

Abdullah tolak tanggapan ambil pendekatan 'populis'

PUTRAJAYA 8 Julai - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam ini menyangkal tanggapan bahawa beliau mengambil pendekatan 'populis' dalam membuat beberapa pengumuman besar untuk faedah rakyat sejak menjadi Perdana Menteri.

Katanya, beliau selama-lamanya tidak bersetuju dengan pendekatan seumpama itu dan bukan juga niat beliau untuk mencari populariti.

"Tetapi kalau kita mengumumkan sesuatu yang kita hendak buat dan orang rasa senang, dan program itu akan menjadi program yang popular, bukan saya yang popular.

"Itulah yang saya kehendaki sangat," katanya dalam Program Khas "Bersama Perdana Menteri" yang disiarkan menerusi *TV1 RTM* malam ini.

Dalam wawancara selama hampir sejam itu, Abdullah ditanya mengenai perkembangan politik, ekonomi dan langkah yang diperkenalkannya sejak menjadi Perdana Menteri kelima pada 31 Oktober lepas serta mandat besar yang diperoleh oleh Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum Mac lepas.

Abdullah berkata, mandat besar itu menunjukkan kepercayaan tinggi rakyat kepada kerajaan sehingga

kan ada yang mahu melihat kerajaan melaksanakan pelbagai projek dengan segera.

"Mungkin juga ada ciri-ciri tidak sabar, semua hendak melihat sesuatu yang berlaku sebanyak-banyaknya dan dengan secepat-cepatnya," katanya.

Abdullah berkata, daripada keputusan pilihan raya itu, beliau memahami bahawa rakyat sedang menuntut dan mengharapkan sesuatu.

"Ini sebenarnya yang menjadi tekanan, *it becomes a pressure*.

"Tetapi ada perkara-perkara yang kita tidak boleh laksanakan dengan cepat. Kalau ada *pressure, there a good feeling* ia mendesak kita supaya bekerja.

"Tetapi saya tahu hendak *implement* semua ini dia kena ambil masa," katanya.

Perdana Menteri berkata, langkah-langkah telah diambil untuk memerangi rasuah, meningkatkan kecapan pentadbiran, mengurangkan kerenah birokrasi membina integriti dan mencapai urus tadbir yang baik — Bernama